

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

→ **INTERAKTIF**

Ketagihan telefon bimbit boleh jejaskan produktiviti



[FOTO HIASAN]

Menggunakan telefon bimbit tanpa memikirkan keselamatan diri mampu mengancam nyawa.

Kebergantungan kepada teknologi sebenarnya satu penyakit yang sekiranya tidak dikawal boleh jadi barah dalam masyarakat.

Pakar psikologi dalam pengkhususan teknologi, Larry Rosen, menyatakan bahawa kebergantungan manusia terhadap sesuatu teknologi itu ada masanya berada di luar kawalan manusia itu sendiri. Apabila seseorang individu itu berada dalam satu fasa yang mana mereka memeriksa atau menggunakan telefon pintar mereka tanpa sebab dan tujuan tertentu jelas berlaku hari ini.

Tiada notifikasi dan bunyi deringan telefon kedengaran, tetapi individu itu tetap melihat ke arah skrin telefon pintar mereka tanpa

mengira masa.

Sudah jadi kebiasaan masyarakat kita hari ini untuk memeriksa telefon dari semasa ke semasa. Situasi ini sebenarnya satu penyakit yang dikenalpasti Rosen sebagai *iDisorder*; masalah kebergantungan berlebihan terhadap teknologi sehingga mengganggu produktiviti dan kehidupan seharian manusia.

Kesan kepada sekeliling

Lebih parah lagi, masalah kebergantungan ini menjadi lebih serius sekiranya membabitkan kehidupan peribadi, keluarga dan kecelaruan identiti sesetengah individu.

Antara gangguan teknologi dikenal pasti boleh dikaitkan dengan produktiviti seseorang pekerja di

pejabat adalah situasi yang mana menerima pesanan ringkas melalui aplikasi aturan mesej sewaktu menghadiri mesyuarat penting.

Individu mungkin akan terlepas maklumat penting semasa ahli mesyuarat sedang bersidang. Keseperti ini dilihat menjadi satu kebiasaan. Pelajar di dalam kelas dan kuliah, misalnya sering memeriksa telefon mereka semasa guru atau pengajar sedang beri kuliah.

Sebenarnya, tiada aturan yang jelas menetapkan mesej itu perlu dibalas serta-merta, melainkan sekiranya individu tersebut benar-benar berada dalam situasi keemasan.

Justeru, amat sukar mengelakkan gangguan teknologi disebabkan

kan ia menjadi satu norma yang jelas mengganggu produktiviti manusia.

Kawal penggunaan telefon

Gangguan teknologi ini sebenarnya boleh dikawal sekiranya manusia dididik berdasarkan peraturan dalam kehidupan seharian.

Misalnya, penggunaan telefon bimbit dihentikan di meja makan sewaktu makan bersama keluarga dan mengehadkan masa penggunaan telefon pintar ataupun tablet dalam kalangan anak bagi mengelak ketagihan terhadap teknologi.

Dari segi konteks pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pula, satu dasar perlu digubal sebelum pelajar dibenarkan menggunakan peranti teknologi mereka.

Masyarakat perlu memastikan mereka masih mampu mengawal teknologi dari segi penggunaan, keperluan dan keinginan.

Kehidupan tanpa teknologi akan menyebabkan kita ketinggalan dengan arus pemodenan, namun dalam pada masa yang sama kita juga perlu mengharmonikan teknologi itu dengan kehidupan manusia.

Teknologi itu perlu dikawal sebelum kita dikawal teknologi yang mana sekali gus mengganggu gugat nilai dan norma kemanusiaan yang kita pertahankan selama ini.

Muhd Khaizer Omar,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia